

19/08/2005

Mahathir-MCA

MAHATHIR YAKIN MCA MAMPU RAPATKAN BARISAN SELEPAS PEMILIHAN PARTI

PULAU PINANG, 19 Ogos (Bernama) -- Tun Dr Mahathir Mohamad yakin pemimpin dan anggota MCA dapat merapatkan barisan dan menangani sebarang masalah yang timbul berikutan proses pemilihan parti itu.

Bekas Perdana Menteri berkata adalah menjadi perkara biasa bagi pihak yang bertanding untuk membuat pelbagai kenyataan yang mungkin boleh menimbulkan suasana yang kurang selesa dalam parti.

"Saya yakin mereka boleh tangani masalah ini. Biasalah, bila ada pemilihan memang ada berbagai-bagai pihak dan masing-masing nak dapatkan sokongan dan kerana itu kadang-kadang dia buat kenyataan," katanya kepada pemberita selepas majlis perhimpunan perdana perpaduan anjuran Majlis Perundingan Muhibah Pulau Pinang dan kerajaan negeri di sini hari ini.

Dr Mahathir yang menyampaikan ucapan pada perhimpunan itu berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai perkembangan pemilihan parti MCA yang menyaksikan pertandingan di semua peringkat jawatan tertinggi parti kecuali jawatan Ketua Wanita.

Bagi jawatan presiden, penyandang Datuk Seri Ong Ka Ting dicabar oleh Naib Presiden Datuk Chua Jui Meng.

Dr Mahathir merupakan pemimpin yang bertanggungjawab menganjurkan "pelan damai" MCA semasa parti itu menghadapi krisis dalaman kepimpinan berikutan wujudnya kumpulan A dan B suatu ketika dahulu dan menyaksikan tiada pertandingan bagi semua jawatan dalam tempoh dua penggal lepas.

Beliau yakin semuanya akan pulih seperti sediakala selepas pemilihan selesai esok.

Mengenai dakwaan adanya campurtangan bekas presiden MCA Tun Dr Ling Liong Sik dalam percaturan politik parti itu kali ini, beliau berkata: "Dia bekas presiden dan masih ahli MCA dan apa tindakan dia buat, dia ada hak. Terpulang pada dia."

-- BERNAMA

ZU RHM